LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
SYARIKAT GAGASAN CARRIERS SDN. BHD.

SITI HAJAR BINTI MUSA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100032957

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

| Pengarang Siti Hajar binti Musa. | | No. Panggilan |
|---|---|---|
| Judul Industri di Sganulaf Carriers. Sdn. Bhd. | | |

| Tarikh | Waktu Pemulangan | Nombor Ahli | Tanda tangan |
|---|---|---|---|
| 29/9/05 | 12.00 am | | |

CH/1921

1100032957 Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia
Perpustakaan

LI 15 FPE 3 2004

1100032957
Laporan akhir latihan industri di Syarikat Gagasan Carriers Sdn. Bhd / Siti Hajar Musa.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| | | |
|---|---|---|
| | 1100032957 | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

LI 15 FPE 3 2004

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI SYARIKAT GAGASAN CARRIERS SDN. BHD.

**Oleh**

**SITI HAJAR BINTI MUSA**
**Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

**2004**

1100032957

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya SITI HAJAR BINTI MUSA, mengakui bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasikan teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,

Nama: SITI HAJAR BINTI MUSA

Tarikh: 14 OKTOBER 2004

Disahkan Oleh:

Encik Madzli b. Hj Harun

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

# PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kerana dengan izin-Nya pelatih dapat menyiapkan dan menamatkan latihan industri dengan jayanya. Jutaan terima kasih pelatih ucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat terutamanya penyelia KUSTEM iaitu En. Madzli b. Hj Harun. Beliau telah memberi banyak bantuan dan tunjuk ajar dalam membuat laporan ini. Beliau juga sudi meluangkan masa untuk memberi nasihat kepada pelatih sepanjang menjalankan latihan industri ini.

Pihak yang begitu penting, syarikat yang telah memberi peluang untuk pelatih melakukan latihan industri iaitu Gagasan Carriers Sdn. Bhd. Terima kasih yang tidak terhingga pelatih ucapkan. Selama 12 minggu pelatih diberi tunjuk ajar dan diberi peluang untuk mengaplikasikan teori yang telah dipelajari. Ilmu yang diperolehi daripada para pekerja syarikat tersebut amatlah pelatih hargai dan berguna pada pelatih kelak.

Pada khususnya, Kapten Johari Mohd Noh, En. Jaafar Hassan, En. P. Supramaniam selaku Penyelia Industri, Kapten Kumar Raj A/L K. Raman dan En. Azhar Mastan. Tidak lupa juga kepada En. Harlizan Hasan, Pn. Shazaina Sanip, En. Sharel Ansarii dan terakhir Cik Rudiah Md Hanifiah. Kerjasama dan segala nasihat yang diberikan daripada semua pihak amatlah berharga dan pelatih rasa bertuah dapat menjayakan latihan industri bersama-sama.

Latihan industri pelatih tidak berjalan lancar tanpa kakitangan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM. Segala masalah yang pelatih hadapi dapat diselesaikan dengan baik. Terima kasih pelatih ucapkan.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada insan yang tersayang, Pn. Enson Bt. Mohamed iaitu ibu serta keluarga pelatih. Mereka telah banyak memberi dorongan dan semangat untuk meneruskan latihan ini dengan ikhlas dan baik. Bantuan kewangan, kediaman serta kenderaan turut diberi untuk kemudahan pelatih. Rakan-rakan seperjuangan yang sanggup berkongsi masalah dan banyak memberi pandangan. Sekali lagi ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat. Terima kasih.

# ISI KANDUNGAN


| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | **PENGHARGAAN** | **ii** |
| | **SENARAI RAJAH** | **vi** |
| | **RINGKASAN EKSEKUTIF** | **vii** |
| **BAB 1** | | |
| 1.0 | LATAR BELAKANG GAGASAN CARRIES SDN BHD | |
| 1.1 | LATAR BELAKANG | 1 |
| | 1.1.1 MISI SYARIKAT | 3 |
| | 1.1.2 OBJEKTIF SYARIKAT | 4 |
| | 1.1.3 STRATEGI SYARIKAT | 4 |
| 1.2 | MAKLUMAT ORGANISASI | 7 |
| 1.3 | FUNGSI DAN AKTIVITI BAHAGIAN | 10 |
| 1.4 | FUNGSI DAN KEPENTINGAN BAHAGIAN *"CHARTERING"* | 10 |
| 1.5 | FUNGSI DAN KEPENTINGAN BAHAGIAN *"POST FIXTURE"* | 12 |
| 1.6 | FUNGSI DAN KEPENTINGAN BAHAGIAN OPERASI | 13 |
| 1.7 | FUNGSI DAN KEPENTINGAN BAHAGIAN KEWANGAN | 15 |
| | *1.7.1 "REVENUE"* | |
| | *1.7.2 "DISBURSEMENT"* | |

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

**BAB 2**

2.0 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN 18

2.1 SISTEM KERJA BAHAGIAN *"CHARTERING"* 18

2.1.1 MENGENALPASTI MASALAH 25

2.1.2 CARA PENYELESAIAN 27

2.1.3 PELAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI 28

2.2 SISTEM KERJA BAHAGIAN *"POST FIXTURE"* 29

2.2.1 MENGENALPASTI MASALAH 32

2.2.2 CARA PENYELESAIAN 33

2.2.3 PELAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI 34

2.3 SISTEM KERJA BAHAGIAN KEWANGAN 35

2.3.1 MENGENALPASTI MASALAH 38

2.3.2 CARA PENYELESAIAN 39

2.3.3 PELAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI 41

**BAB TIGA**

3.0 CADANGAN KESELURUHAN 43

**RUJUKAN** 47

**LAMPIRAN** 48

**SENARAI RAJAH**

| **PERKARA** | | **MUKA SURAT** |
| --- | --- | --- |
| RAJAH 2.1 | SISTEM KERJA BAHAGIAN *"CHARTERING"* | 20 |
| RAJAH 2.2 | SISTEM KERJA BAHAGIAN *"POST FIXTURE"* | 30 |
| RAJAH 2.3 | SISTEM KERJA BAHAGIAN KEWANGAN | 37 |

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Gagasan Carriers Sdn. Bhd merupakan sebuah syarikat perkapalan yang diterajui oleh Kapten Johari Mohd Noh bersama rakan kongsinya iaitu Dato' Rosli bin Ibrahim. Syarikat ini telah beroperasi selama 4 tahun dan telah menunjukkan kemajuan yang baik di dalam industri ini. Kemajuan syarikat ini dapat dilihat dengan penubuhan anak syarikatnya iaitu Baycorp Ship Management Sdn. Bhd setelah setahun mula beroperasi.

Syarikat juga telah maju setapak apabila syarikat telah membeli sebuah kapal baru iaitu kapal *"tanker"* bagi menjalankan pemiagaan syarikat. Kapal ini mula beroperasi pada Jun 2004. Kemajuan ini terhasil kerana syarikat mempunyai pekerja yang berkebolehan dan berpengalaman luas dalam industri perkapalan ini. Aktiviti utama syarikat ini adalah *"chartering"* dan *"brokering"*, usaha untuk mempelbagaikan perkhidmatan dan pemiagaan tetap diteruskan. Barangan seperti Hartindo AF11E iaitu barangan pencegah kebakaran di dalam proses untuk mendapatkan sijil untuk menjadi pembekal.

Sepanjang menjalani latihan di Syarikat Gagasan, beberapa masalah dapat dikenalpasti oleh pelatih seperti masalah kekurangan pekerja mahir, pemfailan dan sikap pekerja syarikat. Masalah ini dapat menjejaskan perjalanan syarikat sekiranya ia tidak diselesaikan dengan bijak.

Melalui laporan ini, cadangan penyelesaian masalah diusulkan agar dapat membantu syarikat bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Implikasi terhadap cadangan juga turut diberi pandangan agar ia memberi kesan yang positif kepada pekerja dan syarikat. Penyelesaian yang dilakukan mungkin bukan satu penyelesaian yang mantap namun, ia sedikit sebanyak dapat membantu memajukan syarikat.

Semoga Syarikat Gagasan dan Baycorp berjaya di dalam industri yang bercirikan globalisasi dan dapat bersaing dengan pasaran luar. Kerjasama setiap individu di dalam syarikat ini penting bagi mencapai objektif syarikat. Sokongan dari pihak yang berkenaan seperti pihak kerajaan dan syarikat-syarikat lain amat diperlukan bagi bersama-sama maju di dalam industri perkapalan di peringkat antarabangsa.